

SOALAN NO: 55

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN NGA KOR MING [TAIPING]

TARIKH : 25 MAC 2015 (SELASA)

SOALAN :

YB Tuan Nga Kor Ming [Taiping] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan siapakah penumpang atas pesawat peribadi Perdana Menteri 9M-NAA dari 25 Disember 2014 hingga ke 1 Januari 2015 serta berapa jumlah kos penerbangannya.

JAWAPAN: YB DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM,
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI

Tuan Yang di-Pertua,

Penumpang-penumpang yang menaiki Pesawat Eksekutif Kerajaan 9M-NAA pada tempoh tersebut merupakan mereka yang berkelayakan untuk menaikinya. Kos penerbangan yang digunakan sepanjang tempoh tersebut adalah tidak melebihi kelayakan YAB Perdana Menteri.

Sekian. Terima kasih.

NO. SOALAN: 56

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TAN SRI DATO SRI WILLIAM
MAWAN IKOM [SARATOK]**

TARIKH : 25 MAC 2015

RUJUKAN : 7563

SOALAN:

Tan Sri Dato Sri William Mawan Ikom [Saratok] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah Kerajaan bercadang untuk menubuhkan unit polis khas untuk memantau keselamatan sungai-sungai di Sarawak bagi menangani ancaman keselamatan majoriti rakyat yang menggunakan sungai sebagai laluan utama.

JAWAPAN:

Tuan Yang di-Pertua,

Pasukan Polis Marin (PPM) telah melaksanakan tanggungjawab menjaga kedaulatan perairan negara sejak penubuhannya pada 1 September 1947. Dari sudut kuasa mengikut undang-undang, peranan tersebut tidak berubah seperti yang termaktub di dalam Akta Polis 1967. Mesyuarat tertinggi Majlis Keselamatan Negara pada 28 Januari 2014 memutuskan di mana penugasan Pasukan Polis Marin berkonsepkan “*no boundry restriction*” di dalam perairan wilayah negara termasuk sungai dan tasik.

PDRM khususnya Pasukan Polis Marin bertanggungjawab untuk memastikan keselamatan dan ketenteraman sungai di seluruh Sarawak sentiasa terjamin melalui pelbagai pendekatan proaktif yang diambil. Bagi memastikan tanggungjawab tersebut dapat dilaksanakan dengan lancar, Markas Pasukan Polis Marin Wilayah Lima (5) yang berpusat di Kuching bertanggungjawab khusus untuk memastikan keselamatan dan ketenteraman perairan laut, sungai dan tasik di Sarawak sentiasa terpelihara.

Situasi keselamatan dan ketenteraman di sungai seluruh Sarawak sentiasa dalam perhatian PDRM dan sebarang gangguan keselamatan akan ditangani dengan segera. Berdasarkan kepada penugasan yang khusus telah diberikan kepada pihak Pasukan Polis Marin untuk mengawasi perairan

negara termasuk di sungai-sungai, keperluan untuk mewujudkan unit Polis Khas bagi memantau sungai-sungai di Sarawak tidak praktikal dilaksanakan kerana boleh menyebabkan pertindihan penugasan. PDRM akan membuat kajian untuk menambahkan lagi bilangan anggota Polis Marin untuk mengawasi semua sungai di Sarawak yang menjadi laluan utama penduduk setempat.